



## Mengarusperdana gender di Malaysia: Satu tinjauan konseptual

Nur Syakiran Akmal Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup>School of Government, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

Correspondence: Nur Syakiran Akmal Ismail (email: nsai@uum.edu.my)

### Abstrak

Gender Mainstreaming atau mengarusperdana gender telah diperkenalkan pada peringkat antarabangsa pada tahun 1995 semasa Persidangan Wanita keempat di Beijing, China. Bagaimanapun, pengoperasian tersebut telah didefinisikan secara berbeza-beza oleh para pengkaji. Permasalahan utama yang dikenalpasti ialah pendefinisian sebenar Gender Mainstreaming yang dikatakan gagal kerana kekeliruan konseptual ekoran kurangnya kepakaran dalam bidang ini. Memandangkan Gender Mainstreaming masih baru dalam konteks dasar di Malaysia, maka kajian ini menjurus kepada membincangkan definisi-definisi yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang terdiri dari dalam dan luar Malaysia, dan kepada mencadangkan definisi yang boleh menjelaskan tentang gender mainstreaming. Berdasarkan kepada keseluruhan kajian, penyelidik merumuskan bahawa kajian-kajian lalu boleh dibahagikan kepada tiga perspektif utama dalam menilai konsep gender mainstreaming. Tiga perspektif tersebut juga boleh dinilai sebagai kefahaman dan definisi konsep Gender Mainstreaming bagi setiap kajian mereka. Oleh itu, definisi konsep Gender Mainstreaming boleh merujuk kepada tiga perspektif iaitu (i) proses; (ii) strategi dan; (iii) pendekatan. Pengkaji-pengkaji dahulu telah memberi hujah bagi setiap perspektif yang dinilai berdasarkan kajian dan kefahaman masing-masing. Setiap perspektif sebenarnya boleh berlaku secara serentak dan juga berasingan. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian yang dipaparkan telah menilai gender mainstreaming sebagai proses kerana ia berlaku sebelum konsep ini diperkenalkan lagi, dimana pengkaji-pengkaji memaparkan tentang perjalanan gender mainstreaming bagi setiap negara atau organisasi yang dikaji.

**Katakunci:** gender, kesamarataan gender, mengarusperdana gender (*gender mainstreaming*), perspektif gender, proses arusperdana gender, strategi arusperdana gender

## Gender mainstreaming in Malaysia: A conceptual inquiry

### Abstract

Gender mainstreaming was introduced internationally in 1995 during The Fourth World Conference on Women in Beijing. Although previous studies prove that various gender mainstreaming operational approaches have been implemented by the associated countries, the operation has been defined differently based on each study. Previous researchers claimed that gender mainstreaming was the best measure to achieve gender equality but the main problem is the right definition for gender mainstreaming. Failure to arrive at the right definition for gender mainstreaming is due to inability to translate the gender concept due to lack of expertise in tackling the ambiguity of the gender concept. Since gender mainstreaming is quite new in Malaysia's policy context this study focussed on the various definitions proposed by previous local and international researchers and made an attempt to suggest definitions that were capable of clarifying the gender mainstreaming concept in Malaysia. Based on the overall study, it was found that previous studies might be divided into three main perspectives in assessing gender mainstreaming concept, namely, process, strategy and approach. However, in the Malaysian case, gender mainstreaming appeared to have been mainly redefined as a process.

**Keywords:** gender, gender equality, gender mainstreaming, gender perspectives, gender mainstreaming process, gender mainstreaming strategy

## Pengenalan

Konsep *Gender Mainstreaming* buat pertama kalinya dicadangkan pada tahun 1985 dalam Persidangan Wanita Sedunia yang ke tiga di Nairobi (*Third World Conference on Women in Nairobi*). Idea ini dilahirkan oleh *United Nation* yang menekankan tentang pembangunan masyarakat. Seterusnya idea tersebut dibincangkan secara serius dan dijadikan sebagai perkara rasmi untuk dilaksanakan melalui Persidangan Wanita Sedunia yang ke lima di Beijing pada tahun 1995. Perkara utama yang diberi perhatian dalam persidangan itu ialah mengenai isu kesamarataan dan kesaksamaan. Delegasi setiap negara yang terlibat dalam Persidangan tersebut telah menyediakan *Platform for Action* bagi mencapai matlamat kesaksamaan dan peluang untuk wanita (UNDP, 2001). Jadi, *Gender Mainstreaming* (GM) telah diperkenalkan bagi mencapai matlamat tersebut. Perinsip asas GM adalah untuk memperkembangkan peranan wanita serta bagi memberi kuasa terhadap wanita berkaitan dengan hak kemanusiaan sebagai wanita, wanita dan kemiskinan, wanita dalam pembuatan keputusan, kanak-kanak perempuan, keganasan terhadap wanita dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan wanita. Oleh itu, satu dokumen telah diwujudkan dalam persidangan tersebut sebagai mengambil langkah untuk menjayakan rancangan yang telah dibuat.

Definisi konsep formal untuk GM yang dipersetujui oleh *UN Economic and Social Council* (ECOSOC) ialah:

*Mainstreaming a gender perspective is the process of assessing the implications for women and men of any planned action, including legislation, policies or programmes, in all areas and at all levels. It is a strategy for making women's as well as men's concerns and experiences an integral dimension of the design, implementation, monitoring and evaluation of policies and programmes in all political, economic and societal spheres so that women and men benefit equally and inequality is not perpetuated. The ultimate goal is to achieve gender equality.*

(United Nation Economic and Social Council, 1998)

Definisi yang dikemukakan oleh ECOSOC telah menjadi rujukan utama bagi pendefinisian semula GM oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kebanyakan kajian terdahulu menyatakan GM adalah pendekatan terbaik untuk mencapai kesaksamaan gender, tetapi permasalahan utama yang dikenalpasti ialah pendefinisian sebenar GM. Menurut Daly (2005), GM mempunyai bahagian yang kabur iaitu definisi GM itu sendiri. Kekaburan definisi GM akan mengganggu proses pelaksanaan dasar tersebut. Kekaburan definisi GM dipengaruhi oleh pelbagai perkara. Salah satunya apabila maksud gender juga kurang jelas. Daly (2005) menjelaskan, kebanyakkan kajian lebih memberi perhatian kepada wanita berbanding lelaki. Walaupun perjuangan awal adalah untuk wanita, tetapi dengan penggunaan gender maka, maksud GM perlu diperluaskan kepada isu lelaki juga. Selain bagi memastikan keadilan, secara tidak langsung perbandingan penerimaan faedah kepada kedua-duanya dapat dijadikan ukuran utama. Donaghy (2004) dalam kajiannya juga melihat definisi yang kurang jelas juga boleh menyebabkan masalah dalam menjayakan GM. Bagi Donaghy, penyumbang utama kepada definisi yang tidak jelas adalah faktor kefahaman yang terhad. Contohnya, tidak ada satu definisi yang menerangkan tentang *mainstream*. (Rees & Teresa, 1998; Woodward, 2001). Seterusnya menyebabkan tiada strategi definisi *mainstream* untuk diaplikasikan. Akibatnya terlalu banyak cara untuk bagi menerangkan GM (Rees, 1998; Woodward, 2001).

Faktor pendefinisian yang kurang jelas juga boleh dikaitkan dengan limitasi pakar. Dalam proses pembuatan dasar, isu limitasi pakar bukanlah merupakan perkara baru. Kepakaran yang tidak mencapai standard menyebabkan hasil yang kurang memuaskan untuk sesuatu dasar. Salah satu penyumbang

kepada limitasi kepakaran ialah pengalaman. Kajian Burton dan Pollack (2002), mendapati pengalaman yang tidak mencukupi menyebabkan pendekatan GM kurang berkesan dalam sesebuah organisasi.

Dalam melaksanakan GM satu standard perlu diwujudkan bagi menjadi ukuran untuk menilai tahap pencapaian GM. Tetapi, menurut Burton dan Pollack(2002) pengukuran GM tidak jelas bagi kebanyakan organisasi yang cuba melaksanakan GM. Seterusnya, pelaksanaan GM juga berbeza-beza bagi Negara yang pernah terlibat dalam melaksanakan GM. Keadaan ini adalah rentetan daripada kekaburan pendefinisan GM yang sebenarnya. Kepelbagaian definisi menyebabkan kegagalan kepada pelaksanaannya kerana masih ramai yang keliru dengan konsep ini. Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan definisi-definisi yang telah disampaikan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu untuk membuka ruang baru dalam memahami konsep ini.

### **Kajian lepas gender mainstreaming**

Gender Mainstreaming merupakan konsep yang telah diperkenalkan dan dipopularkan oleh barat dan menjadi wacana barat dengan tujuan untuk mencapai kesamarataan gender. GM juga menunjukkan hegemoni feminis barat terhadap wanita dunia ke tiga. Ia juga merupakan satu perubahan untuk wanita (Janet D Momsen & Iren K Szorenyi, 2007). Pada asasnya kebanyakan definisi GM lebih merujuk kepada tujuan GM itu diperkenalkan.

Merujuk kajian lepas, pelaksanaan GM bagi negara-negara yang terlibat adalah berbeza-beza berdasarkan kefahaman, latar belakang dan pendekatan masing-masing. Hasil kajian lepas membuktikan GM sebenarnya telah lama dilaksanakan oleh beberapa buah negara, tetapi semasa proses tersebut berlaku ia masih tidak dikenali sebagai GM. Walau bagaimanapun, apabila kajian dilakukan, mereka menunjukkan proses tersebut bermula daripada naratifnya. Kajian pelaksanaan GM meliputi ke atas negara-negara maju, negara-negara sedang membangun dan negara-negara Asia. Selain itu, terdapat juga kajian GM telah dilakukan pada peringkat pelaksanaan organisasi sahaja seperti Organisasi Awam dan Organisasi Bukan Kerajaan samada pada peringkat antarabangsa ataupun tempatan.

Mazey (2002) meneliti perkembangan proses GM melalui sejarah dan perubahan dasar oleh Kesatuan Eropah dan menjelaskan bagaimana dan mengapa pada tahun 1996 Kesatuan Eropah memperkenalkan dasar GM sebagai pendekatan. Beliau menegaskan, untuk mencapai matlamat kesamarataan gender dalam konteks peluang pekerjaan, perubahan dasar yang mengambilkira kepentingan wanita dan lelaki adalah perlu dilakukan. Hasil kajian menunjukkan peranan feminis peringkat nasional dan antarabangsa banyak mempengaruhi perkembangan proses GM di Kesatuan Eropah.

Verloo (2001), telah menggunakan Netherland sebagai kerangka kajiannya kerana Netherland adalah negara terawal membangunkan dasar-dasar kesamarataan gender. Beliau telah menganalisis kandungan *Emancipation Effect Report* (EER) iaitu laporan tentang Impak Kajian Gender. Beliau menyatakan Pendekatan Impak Kajian Gender di bawah EER telah berjaya dilaksanakan kerana dipengaruhi oleh instrumen dan amalan yang konsisten di bawah perancangan EER. Hasil kajian beliau juga menunjukkan kejayaan EER juga adalah hasil sokongan ahli politik, NGOs, aktor dalam dan luaran organisasi.

Bagi kajian GM oleh Conway et al. (2005) di Amerika Syarikat telah merujuk GM sebagai pendekatan dasar. Beliau menyatakan pendekatan dasar yang sering berlaku bagi dasar-dasar gender di Amerika Syarikat ialah Pendekatan Incrementalisme, Kumpulan dan Elit. Pendekatan-pendekatan ini saling berkaitan membentuk dasar gender pada tempoh kajian yang dilakukan oleh mereka. Pendekatan yang dibincangkan oleh mereka membuktikan bahawa Pendekatan dasar juga boleh dikaji dalam konteks amalan GM. Seterusnya, Daly (2005), telah melakukan kajian ke atas lapan negara maju iaitu, Belgium, France, Greece, Ireland, Lithuania, Spain, Sweden, dan United Kingdom bagi melihat bagaimana gender diintegrasikan dalam dasar. Matlamat kajian ialah untuk melihat perkembangan dan kesan GM dalam pengatur cara bagi setiap negara-negara tersebut. Hipotesis kajian ialah sejarah dan tradisi penggubalan dasar memberi kesan terhadap pendekatan yang diambil untuk isu gender dan kesediaan untuk melaksanakan GM. Skop kajian meliputi projek yang telah dijalankan antara tahun 2002 hingga 2004. Kajian Daly (2005) menunjukkan terdapat tiga pendekatan yang berbeza-beza dalam melaksanakan GM

bagi setiap negara yang dikaji. Ireland dan UK mengamalkan "decentralization" sebagai garis panduan bagi membuktikan layanan sama rata yang melibatkan semua sektor awam dalam dasar anti diskriminasi. Asas kepada ketaksamarataan gender adalah melalui amalan anti diskriminasi. Negara lain seperti Belgium, France, Greece, Lithuania, and Spain lebih menggunakan metod membahagikan tanggungjawab secara perancangan tindakan "transversal" dimana rancangan dan strategi untuk mencapai kesamarataan gender adalah berbeza-beza berdasarkan kementerian masing-masing. Kaedah ketiga oleh Sweden dengan menggunakan analisis gender secara sistematik dalam membentuk dan melaksanakan dasar gender. Amalan ini dilaksanakan oleh semua pihak seperti sektor awam, swasta dan, NGO bagi tujuan mencapai kesamarataan gender. Keseluruhan kajian, Daly (2005) telah mengeluarkan isu tentang teori dan pelaksanaan GM. Hasil kajian menunjukkan terdapat pelbagai unit yang terlibat untuk melaksanakan GM dalam konteks hubungan antarabangsa. Sebaliknya, pada peringkat domestik, hubungan antara unit pelaksana bagi negara-negara yang terlibat adalah tidak jelas. Kajian ini juga membuktikan bahawa pelaksanaan GM pada peringkat domestik secara teknikalnya bagi negara-negara yang terlibat adalah tidak seperti yang direncanakan pada peringkat antarabangsa kerana konsep GM masih mengelirukan kepada negara-negara pelaksana. Negara-negara pelaksana juga tidak dapat mengaitkan hubungan antara GM dan perubahan sosial yang berlaku.

Donaghy (2003) pula meneliti amalan GM di Australia. Australia telah menggunakan GM dalam setiap dasarnya sejak sekitar tahun 1970an lagi. Tiga bidang dasar telah dikaji bagi menganalisis GM di Australia yang mana kajian yang dilakukan menggunakan dokumen dasar, lima belas temu bual secara formal dan lima belas temu bual secara tidak formal dengan senior birokrasi, bekas pekerja sektor awam dan analisis gender berdasarkan luar kerajaan. Hasil kajian menunjukkan *Office of the Status of Women* (OSW) yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kabinet, telah diwujudkan bagi mengendalikan isu-isu wanita di Australia. OSW menjadi penghubung antara organisasi kerajaan dengan NGOs. Umumnya hasil kajian juga membuktikan GM berjaya dilaksanakan di Australia. Walau bagaimanapun, semasa pemerintahan Haward, amalan GM agak perlahan kerana Haward kurang memberi tumpuan kepada isu tersebut.

Clisby (2005) telah membuat kajian tentang pelaksanaan GM di Bolivia. Beliau menyatakan *Law of Popular Participation* (LPP) telah digubal di Bolivia sebagai satu inisiatif pada peringkat pembangunan nasional sebagai langkah pertama untuk GM. LPP cuba diperkembangkan dengan mendapatkan sumber daripada peringkat nasional dan peringkat tempatan. Dasar ini bertujuan bagi meningkatkan peranan wanita dalam politik dan pembangunan. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan dasar ini kurang berkesan kerana wanita masih berperanan dalam konteks tradisional. Selain itu, dominasi lelaki ke atas dasar ini masih ketara. Oleh itu, Clisby (2005) telah membuat kesimpulan bahawa GM gagal dilaksanakan pada peringkat nasional. Hal ini disebabkan pelaksanaan yang kurang cekap dan halangan struktur bagi proses analisis gender yang sistematik bagi penglibatan wanita, kurangnya sokongan terhadap GM dan, kegagalan sokongan penglibatan wanita melalui keperluan pembangunan pada setiap peringkat. Oleh itu, hasil kajian tersebut membuktikan bahawa amalan GM juga bergantung kepada minat dan kepentingan kepemimpinan utama sesebuah negara.

Wendoh, S. dan Wallace, T. (2002), telah melakukan kajian GM di Afrika Utara iaitu Zambia, Rwanda, Uganda dan Gambia. Negara-negara ini mempunyai ekonomi, politik, agama, dan budaya yang berbeza. Negara Afrika menghadapi pelbagai perubahan disebabkan oleh globalisasi. Isu kesamarataan gender merupakan perubahan yang perlu diatasi oleh negara-negara tersebut. Seterusnya hasil kajian Meer, S. (2005), di Afrika Selatan menunjukkan proses GM telah berlaku sekitar tahun 1980-an kerana perjuangan untuk mengubah sistem apartheid kepada demokrasi. Penyertaan wanita sebagai pejuang demokrasi telah membuka peluang kepada mereka untuk menonjolkan peranan utama seterusnya mempromosikan GM untuk mencapai kesamarataan gender. Tetapi apabila negara mencapai demokrasi, perkembangan GM di Afrika Selatan yang berlaku masih gagal untuk mencapai kesamarataan gender kerana dihalangi oleh faktor politik, peluang pekerjaan dan, kemiskinan. Wanita masih sukar untuk menyertai struktur organisasi dan birokrasi kerana mereka masih tertekan oleh sistem liberalisasi lelaki. Kaum lelaki juga hanya menerima perjuangan wanita sebagai pemangkin perjuangan, tetapi masih sukar untuk menerima perubahan budaya GM dalam operasi pentadbiran mereka secara umumnya.

Bagi kajian di negara-negara Asia, Kusakabe (2005) telah membuat kajian di Cambodia, Laos dan Thailand. Di Laos, Kusakabe (2005) menjelaskan proses GM berlaku melalui *People's Democratic Republic* (PDR). Kusabe menyatakan kajian Saphakdy (2005) menjelaskan Kesatuan Wanita telah ditubuhkan di bawah kerajaan Sosialis. Sebagai permulaan Kesatuan Wanita di bawah PDR telah memberi perhatian dalam mempromosikan norma-norma tradisional gender, dan ia lebih kepada mengukuhkan keselamatan negara. Ia diberi mandat pada tahun 1991 untuk mempromosikan hak kesamarataan dan memperkembangkan peranan wanita melalui maklum balas terhadap keperluan wanita melalui perlembagaan. Pada tahun 1993, Kongres Nasional yang ke tiga Persatuan Wanita Laos telah mengadaptasikan komitmen untuk memberikan kesedaran gender dan tentang kesamarataan gender. Kesatuan Wanita bertanggungjawab menyokong hak-hak wanita dan memberi kesedaran tentang gender. Kesatuan ini berpeluang untuk mempengaruhi proses dasar, perancangan dan berperanan sama ada dalam organisasi awam ataupun NGO. Kekuatan utama Kesatuan ini ialah talian kerja yang mereka ada daripada peringkat nasional sehingga kampung. Sebahagian Kesatuan Wanita ini bergiat aktif secara sukarela. Tetapi sebahagiannya merasakan agak terbeban kerana mereka terpaksa mencari punca kewangan sendiri untuk bergiat aktif dalam mempromosikan aktiviti-aktiviti gender. Kusakabe menyatakan walaupun Kesatuan Wanita aktif mempromosikan aktiviti-aktiviti gender, tetapi kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan antara tingkahlaku positif terhadap inisiatif kesaksamaan gender dengan bilangan individu menghadiri latihan gender. Jadi, kajian ini menunjukkan latihan yang diberikan hanya berkaitan kesedaran gender, tetapi tidak memberi mereka idea yang jelas apakah yang harus mereka lakukan secara praktikal di tempat kerja.

Kes Laos menunjukkan walaupun aktiviti mereka mempunyai hubungan dengan wanita pada peringkat antarabangsa, tetapi mesej kesamarataan gender untuk masyarakat masih tidak tercapai sebagai mana yang diharapkan. Hasil kajian juga menunjukkan, bukan perkara mudah untuk mengintegrasikan isu gender dalam semua sektor atau bahagian. Malahan memang sukar untuk mengubah budaya asal dalam menerima isu-isu gender. Walaupun mempunyai kesatuan, tetapi tidak semestinya semua idea kesatuan wanita diterima oleh semua ahli. Oleh itu, jaringan hubungan Kesatuan wanita tidak memberi jaminan terhadap proses politik untuk menjayakan GM.

Di Cambodia, Kusakabe (2005) menyatakan proses GM telah berlaku sejak tahun 1979 semasa Sistem Sosialis iaitu pada tahun 1979 hingga 1993. Cambodia juga mempunyai *Women's Association of Cambodia* (WAC). Pada tahun 1993, apabila Cambodia bertukar daripada Sosialis kepada Demokrasi, *Secretariat of State for Women's Affairs* ditubuhkan dengan segera selepas pilihanraya yang pertama. *Secretariat of State for Women's Affairs* kemudiannya telah dinaik taraf sebagai *Ministry of Women's Affairs* pada tahun 1996. Kebanyakan pekerja di WAC telah diserap ke dalam struktur Bahagian Tempatan bagi *Women's Affairs*, yang mana beroperasi dibawah *Ministry of Women's Affairs*. Pada tahun 1999, kementerian tersebut telah menghasilkan perancangan strategik lima tahun. Terdapat empat jenis aktiviti GM yang perlu dilakukan oleh *Provincial Department of Women's Affairs* (PDWA), dengan sokongan teknikal oleh Kementerian. Aktiviti tersebut ialah : (i) latihan gender; (ii) bekerjasama dengan GFP di Kementerian Wanita; (iii) memberi input bagi perancangan untuk kementerian dan; (iv) berkongsi dan menyampaikan maklumat tentang isu-isu yang spesifik tentang wanita termasuk keganasan terhadap wanita. Latihan gender dikendalikan pada setiap peringkat untuk pekerja bahagian tempatan hingga penduduk kampung. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan masyarakat kurang berminat dengan latihan tersebut dan latihan hanya dijalankan sekiranya mempunyai dana tertentu. Pencapaian latihan juga kurang memberangsangkan. Peranan GFP didapati tidak seperti yang diharapkan kerana kuasa GFP tidak dimiliki sepenuhnya. Selain itu, GFP juga kurang berkemahiran dalam melaksanakan tugas mereka. Kerjasama antara GFP dan PDWA juga adalah kurang menyebabkan maklumat tidak dapat dikongsi secara efektif. Penulis membuat kesimpulan bahawa isu gender kurang jelas menyebabkan ramai pihak yang tidak berminat untuk melaksanakan GM.

Seterusnya kajian ke atas Thailand menunjukkan organisasi nasional pertama di Thailand yang ditubuhkan secara rasmi bagi menyokong pembangunan wanita di sana ialah *Office of the National Commission on Women's Affairs* (ONCWA). Pada tahun 2002, ONCWA dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Sosial dan Keselamatan Kemanusiaan dan digabung bersama dengan Jabatan

Pembangunan Keluarga (Tamthai 2005). Atas usaha untuk menjayakan GM di semua kementerian dan bahagian *Chief Gender Equality Officers* (CGEOs) telah ditubuhkan untuk memastikan berlakunya integrasi gender pada setiap proses dasar dan perancangan bagi semua bahagian dalam kerajaan (Tonguthai & Putananusorn 2003). Sebagai langkah menyokong GM, *Department of Fisheries* (DoF), telah melantik Pengarah Bahagian Sumber Manusia bagi menjayakan GM.

Kusakabe yang merujuk kepada kajian Sriputinibondh et al. (2004) menyatakan langkah pertama yang dilakukan ialah menyediakan data mengenai gender di bahagian tersebut. Bengkel-bengkel yang diadakan juga sering menekankan tentang perspektif integrasi gender walaupun masih belum ada peraturan secara bertulis ketika itu. Bahagian ini berperanan aktif di *Mekong River Commission* (MRC) di bawah program perikanan di mana di situ terdapatnya strategi dan dasar gender. Bahagian ini telah mempromosikan pengumpulan data berdasarkan agregat gender dan memberi sokongan terhadap *Regional Network for Promotion of Gender in Fisheries* (RNPGF). Walau bagaimanapun hasil kajian menunjukkan tidak terdapat lagi hubungan antara CGEO dengan RNPGF semasa kajian penyelidikan. Akibatnya, walaupun dalam DoF, Kajian sering dilakukan, tetapi tiada peruntukan yang diberikan ke atas kajian GM. Bengkel berkaitan isu gender hanya diberikan kepada pekerja yang berminat sahaja. Selain itu, peruntukan kajian hanya diberikan kepada hal-hal yang berkaitan pengurusan perikanan sahaja dan tidak lagi terhadap isu sosial. Walaupun kajian sains sosial dilakukan berkaitan pengurusan kewangan, tetapi bagi pekerja yang mengikuti bengkel atau kajian tersebut, penyertaan mereka tidak diambil kira dalam penilaian tugas. Akibatnya tiada insentif untuk pekerja yang berminat dalam isu sains sosial. Situasi ini menunjukkan hubungan yang tidak jelas antara DoF untuk menjayakan GM kerana kurangnya pengetahuan, kemahiran, hubungan, motivasi dan pengetahuan umum walaupun dasar gender terdapat di bahagian tersebut. Jelas sekali menunjukkan dasar tersebut bukan merupakan keutamaan penting di bahagian tersebut.

Selain kajian ke atas negara, kajian GM juga dilakukan ke atas organisasi seperti organisasi awam, organisasi swasta dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO). Page (2011) memperkecilkan kajian proses GM yang lebih terperinci kepada organisasi awam. Page (2011) telah memberi tumpuan kepada peranan kepemimpinan dalam menjayakan GM. Di United Kingdom tugas pegawai kesamarataan gender menjadi keperluan penting kepada sektor awam untuk mempromosikan kesamarataan gender dalam pekerjaan dan hak perkhidmatan melalui *Equality Opportunity Commission* (EOC). Page (2011) mengkaji bagaimana organisasi menterjemahkan peraturan tersebut melalui amalan bagi mempromosikan kesamarataan gender. Analisis ini menyumbang kepada perkembangan arusperdana feminis dan kajian kepemimpinan kritikal yang mana memberi perhatian terhadap gender, relational (hubungan) dan amalan mengurus yang terperinci (interpretive). Ia juga menyumbang kepada kajian yang berkaitan dengan perubahan kepemimpinan yang wujud di UK dan EU bagi tranformasi dalam perkhidmatan awam. Kepemimpinan bagi mengarusperdanakan gender merupakan penerangan konsep dalam gender, hubungan (relational) dan kualiti yang diterangkan (interpretive). Hasil kajian Page (2011) menunjukkan konsep GM penting dalam reka bentuk perubahan kepemimpinan yang boleh dipertimbangkan untuk mencapai kesamarataan gender di sektor awam.

Kajian perbandingan antara Bank Dunia (BD) dan United Nations Development Programme (UNDP) telah dilakukan oleh Burton dan Pollack(2002), bagi menerangkan tentang proses pelaksanaan GM. Terdapat dua hipotesis dalam kajian tersebut di mana hipotesis yang pertama menyatakan Bank Dunia lebih mempunyai agenda yang neoliberal. Kajian ini mengandaikan Bank Dunia lebih menentang kepada pelaksanaan GM di dalam organisasinya. Manakalah UNDP yang bersifat Interventionist lebih bersifat terbuka terhadap pelaksanaan GM. Teori yang digunakan ialah Teori Pergerakan Sosial. Pollack dan Burton (2002) menyatakan pelaksanaan GM adalah berbeza berdasarkan masa dan proses bagi organisasi pelaksana kerana wujudnya kepelbagaian berdasarkan Teori Pergerakan Sosial yang dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu Peluang Politik, Mobilisasi Struktur dan Strategi Rekabentuk. Hasil kajian mereka menunjukkan berdasarkan Struktur Politik (Input), UNDP lebih bersifat terbuka kerana dasar-dasar yang diperkenalkan oleh mereka dilaksanakan melalui penurunan kuasa kepada pekerja-pekerjanya yang berada di negara-negara yang terlibat di seluruh dunia. Setiap program-program yang diwujudkan oleh UNDP perlulah berdasarkan kepada kepentingan sesebuah politik yang menerima program-programnya.

Walaupun input Struktur Politik UNDP bersifat terbuka, tetapi output struktur politiknya bagi pelaksanaannya kurang memberangsangkan kerana kekurangan kuasa pusat yang telah disebar kepada negara-negara lain. Selain itu, UNDP sebagai NGO sebenarnya lebih bergantung kepada negara-negara yang menyokongnya. Faktor Mobilisasi Struktur berkaitan isu gender secara naratifnya berkembang secara evolusi. UNDP adalah antara organisasi yang banyak membantu dalam perjuangan gender pada peringkat antarabangsa. Oleh itu, faktor merangka strategi rangka dasar bukanlah satu tekanan, kerana pengalaman mereka dalam memperjuangkan isu-isu gender banyak membantu dalam mewujudkan rangka dasar tersebut. Walau bagaimanapun pengoperasian prosuder agak lemah pada peringkat negara-negara yang menerima dasar tersebut daripada UNDP.

Bagi faktor Peluang Struktur Politik, BD kurang memberi peluang kepada input atau pengaruh politik. Hal ini demikian, kerana BD lebih mengamalkan pemusatan kuasa. Begitu juga dengan faktor Mobilisasi isu-isu wanita yang hanya sekitar tahun 1970-an apabila BD juga berperanan untuk memberi perhatian kepada isu-isu wanita di bawah *Women In Development* (WID) yang juga merupakan agenda bagi Institut Pembangunan Amerika. Selain itu, sifat BD yang lebih neo-liberal dan mementingkan pembangunan ekonomi berbanding sosial telah menyebabkan mereka kurang berminat terhadap isu-isu pembangunan gender dan wanita. Hasil kajian ini telah menyokong kepada salah satu hipotesis pengkaji. Manakala rangka dasar yang diwujudkan lebih berorientasikan ekonomi kerana menjadi matlamat BD untuk menjana ekonomi. Selain itu, kebanyakan pembuat dasar di BD berlatar belakangkan ekonomi berbanding UNDP yang berlatar belakangkan sosiologi. Perbezaan ideologi ini juga telah membentuk satu rangka dasar yang berbeza pada kedua-duanya.

Kajian oleh Desai (2005), adalah untuk melihat peranan aktif NGOs di Mumbai dalam memperkasakan wanita melalui proses GM. Wanita di Mumbai yang hidup dalam kemiskinan disebabkan faktor ekonomi dan budaya telah dibangunkan kesedaran mereka melalui peranan yang dimainkan oleh NGOs. NGOs telah berperanan sebagai kaunselor bagi wanita yang menghadapi pelbagai masalah berkaitan kesempitan hidup mereka terutamanya berkaitan isu perkahwinan. NGOs juga berperanan dalam menyalurkan maklumat tentang kesihatan, kebersihan, program pendidikan, kitar semula, isu kesaksamaan gender, keadilan sosial, sensitiviti gender, sekularisme, keharmonian dan hak kemanusiaan. Melalui perjuangan NGOs, wanita mula diperkasakan dan mendapat sedikit jaminan dan kekuatan kehidupan.

Kajian Moser, C. dan Moser, A. (2005) pula telah dilakukan ke atas empat belas organisasi antarabangsa yang berperanan sebagai organisasi pembangunan yang terdiri daripada organisasi penyumbang, kewangan dan, organisasi bukan kerajaan (NGO). Organisasi-organisasi tersebut ialah (1) DFID; (2) Derbyshire; (3) CIDA; (4) Sida; (5) IDB (n.d.); ADB; (6) World Bank; (7) Sandler; (8) UN Habitat; (9) UNICEF; (10) UNDP; (11) ActionAid; (12) Oxfam GB; (13) Hivos; (14) ACORD. Tiga perkara yang dikaji iaitu terminologi adaptasi GM, dasar-dasar dan pelaksanaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan organisasi mempunyai dasar-dasar yang membuktikan amalan GM, tetapi pelaksanaannya adalah tidak konsisten dan kurang berkesan. Akibatnya, matlamat kesamarataan masih tidak dicapai kerana strategi yang dilakukan masih tidak jelas. Menurut Mehra dan Gupta (2006) kebanyakan kajian menunjukkan amalan GM kurang berjaya di kebanyakan Negara dan organisasi pelaksana, tetapi masih ada yang berjaya dilaksanakan. Mehra dan Gupta (2006) juga menjelaskan di bawah program Inter-American Development (IDB), GM di Amerika Latin dan Caribbean berjaya dilaksanakan. Hasil kajian Mehra dan Gupta (2006), pada tahun 1996, IDB telah menggunakan GM untuk mengatasi masalah keganasan terhadap wanita di Amerika Latin dan Carrebean. IDB telah berjaya melaksanakan GM kerana mempunyai kepimpinan yang baik, sumber, pakar, penyelidikan serta cadangan pembaikan. Selain itu, terdapat lima NGOs yang menggunakan pendekatan GM untuk menghapuskan kemiskinan melalui program di Afrika dan projek pembangunan infrastruktur di bawah *Asian Development Bank* (ADB). Faktor-faktor kejayaan GM bagi NGOs yang menjalankan projek di Afrika ialah program yang dilakukan sesuai dengan matlamat untuk menghapuskan kemiskinan, dasar gender yang jelas, sokongan daripada ketua tertinggi, sasaran adalah untuk kedua-dua gender, keinginan politik untuk melaksanakan program-program ADB, strategi pelaksanaan GM digunakan, kemampuan teknikal dan setiap organisasi memiliki seorang pakar gender untuk memastikan pelaksanaan yang tepat.

Projek-projek bagi melaksanakan GM di bawah ADB juga berjaya di Bangladesh kerana reka bentuk projek yang dicadangkan, sasaran yang tepat dan boleh dilaksanakan, tindakan yang tersusun, latihan yang diberikan, sumber dan kemahiran yang sesuai, pendekatan penyertaan yang betul, kepemimpinan dan pengurusan yang baik, pemantauan yang konsisten terhadap indikator dan pakar gender yang terlibat. Berdasarkan kejayaan-kejayaan tersebut, Mehra dan Gupta (2006) membuat kesimpulan dasar tidak akan menjamin kejayaan matlamat, melainkan dengan pelaksanaan yang berkesan serta sokongan yang kuat daripada pelbagai pihak. Selain itu melalui Laporan *UN Millennium Project 2005* juga menyatakan negara berkonflik seperti Afrika Selatan, Cambodia dan Rwanda juga telah memberi komitmen yang baik dalam melaksanakan GM kerana mendapat sokongan dalaman daripada pemimpin mereka. Masyarakat setempat juga bersedia untuk melaksanakan GM bagi faedah bersama. Kaum wanita telah diberi peranan untuk membawa perubahan persepsi dan budaya ke atas mereka.

Konsep GM di Malaysia merupakan konsep yang masih baru diperkenalkan untuk masyarakat, walaupun perbincangan konsep ini telah berlaku di kalangan penggubal dasar, ahli politik dan ahli akademik. Konsep ini secara rasminya digunakan melalui Dasar Wanita Negara 2009 yang menyatakan bahawa strategi GM cuba di laksanakan bagi mencapai kesamarataan gender di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian terhadap GM di Malaysia masih kurang berbanding kajian-kajian luar.

Kajian Fareda Habib Shah (2004) melihat proses GM melalui peranan wanita dalam ekonomi Malaysia yang berkaitan dengan sektor Informasi dan Maklumat (ICT) dan penggunaan ICT dalam sektor eksport. Objektif kajian Fareda Habib Shah untuk melihat usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia bagi mengurusperdanakan wanita, termasuklah wanita yang terpinggir (merujuk kepada wanita di luar Bandar dan etnik wanita minoriti) dalam perniagaan, pengeluaran dan eksport. Penyelidikan ini melibatkan tiga kajian kes ke atas projek pembangunan wanita bagi menunjukkan halangan dan peluang untuk wanita yang berpotensi sebagai pengeport. Kajian kes tersebut adalah; (i) projek berkaitan ICT yang telah selesai dan dijalankan; (ii) projek ICT yang masih berjalan dan; (iii) inisiatif mikro-kredit yang mensasarkan wanita. Hasil kajian menunjukkan penyertaan mereka dalam projek tersebut telah meningkatkan pendapatan mereka antara RM 300 hingga RM 700 sebulan secara purata. Peranan mentor juga dilihat penting dalam membantu meningkatkan usahawan wanita. Kajian Nur Hafizah Yusoff dan Rahimah Abdul Aziz (2012) melihat proses GM melalui pemerkasaan wanita dalam perniagaan. Kajian ini menunjukkan melalui penglibatan wanita dalam Kumpulan Ekonomi Wanita telah Berjaya meningkatkan ekonomi keluarga.

Kajian seterusnya oleh Nor Azizah Ahmad (2010) berkaitan dengan Bajet Gender di Malaysia. Menurut Nor Azizah Ahmad (2010), Malaysia bersetuju untuk mengaplikasikan Bajet Gender pada November 2002. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sebenar bermula pada Julai 2003, apabila Unit Perancangan Ekonomi (UPE) meluluskan dokumen untuk Projek Rintis Bajet Gender di Malaysia bagi lima Kementerian di Malaysia. Objektif projek rintis ini adalah untuk mempromosikan GM dalam kerajaan melalui pembinaan model untuk analisis bajet gender. Hasil kajian beliau juga menunjukkan, kementerian-kementerian tersebut hanya menyediakan tidak lebih daripada tiga orang pegawai yang melaksanakan projek tersebut. Terdapat seorang responden tidak pernah menghadiri latihan untuk analisis bajet gender, manakala yang selebihnya terlibat dalam latihan yang disediakan untuk mereka. Hasil latihan yang dihadiri oleh mereka menunjukkan hanya pegawai daripada KPM dan KSM sahaja yang memahami konsep gender. Pegawai-pegawai daripada kementerian yang selebihnya merujuk konsep gender berdasarkan jantina. Seterusnya ada responden yang percaya bahawa kerajaan sudah cukup berusaha untuk membangunkan wanita, dan mereka merasakan GM tidak perlu dilaksanakan. Pendapat ini bukan hanya dinyatakan oleh responden lelaki, malahan responden wanita yang merasakan mereka dan wanita di Malaysia tidak didiskriminasikan dalam konteks pekerjaan. Walau bagaimanapun, berkaitan Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA), responden wanita yang menyatakan mereka tidak didiskriminasikan memberi kenyataan bahawa beliau tidak jelas tentang kriteria pemilihan JUSA berdasarkan jumlah wanita untuk jawatan tersebut adalah kecil berbanding lelaki. Responden yang seterusnya menyatakan wanita di Malaysia tidak didiskriminasikan kerana gaji yang diterima adalah sama. Oleh itu, penyelidik menyatakan, persepsi responden hanya merujuk bayaran gaji di sektor awam tanpa melihat sektor swasta. Kesimpulan yang dibuat oleh Nor Azizah Ahmad bagi tema utama ialah




proses sosialisasi dimana, wanita Asia termasuk Malaysia telah dididik agar tidak membantah untuk sistem patriaki yang ada.

Jadi keseluruhan perkara yang terkandung dalam definisi gender menjadi perbincangan kepada pengkaji terdahulu dengan memberi kesimpulan GM merupakan satu konsep dasar (Ress, 1998 ; True, Mintrom, 2001; Burton & Pollack, 2002). Manakala ada juga pengkaji yang menyatakan GM bukanlah merupakan satu konsep, tetapi lebih merujuk kepada pendekatan dasar (Mazey, 2000; Daly, 2005; Informant 1, 2010; NGO 1, 2010). Walaupun pelbagai definisi telah diberikan, definisi ECOSOC masih menjadi sumber utama. Perkara-perkara yang ditekankan dalam definisi tersebut adalah perspektif gender perlu diambilkira pada setiap peringkat kitaran dasar bagi mencapai matlamat kesamarataan gender.

### Apakah gender mainstreaming?

Berdasarkan kepada keseluruhan kajian, penyelidik merumuskan bahawa kajian-kajian lalu boleh dibahagikan kepada tiga perspektif utama dalam menilai konsep GM bagi setiap kajian. Tiga perspektif tersebut juga boleh dinilai sebagai kefahaman dan definisi konsep GM bagi setiap kajian mereka. Oleh itu, definisi konsep GM boleh merujuk kepada tiga perspektif iaitu (i) proses; (ii) strategi dan; (iii) pendekatan. Pengkaji-pengkaji dahulu telah memberi hujah bagi setiap perspektif yang dinilai



Sumber: Olahan penulis berdasarkan kajian lepas

**Rajah 1.** Konsep Gender Mainstreaming

berdasarkan kajian dan kefahaman masing-masing. Walau bagaimanapun, penulis telah mengenal pasti setiap perspektif sebenarnya boleh berlaku secara serentak dan juga berasingan. Sungguhpun begitu, kebanyakan kajian yang dibincangkan oleh penulis lebih menggunakan perspektif pertama iaitu GM sebagai Proses kerana perspektif ini menggambarkan proses GM yang utama dalam sesebuah negara atau organisasi yang seterusnya menjadi pendekatan dan diikuti strategi.

Rajah 1 menyatakan bahawa konsep GM bermula dengan Proses kerana hasil kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat beberapa negara dan organisasi telah terdedah dengan GM sebelum konsep tersebut diperkenalkan di Beijing pada tahun 1995 (Council of Europe, 1998; Verloo, 2001; Donaghy, 2003; Kusakabe, 2005; Burton & Pollack, 2005; UN ECOSOC, 1997; True & Mintrom, 2001; Mehra & Guptha, 2006; Clisby, 2005; Senorina Windoh & , 2002; Moser & Moser, 2005; Desai, 2005). Proses yang berlaku melibatkan dua perkara iaitu proses mengorganisasi, memperbaiki dan membangunkan dasar (Council of Europe, 1998; Verloo, 2001; Donaghy, 2003; Kusakabe, 2005; Burton & Pollack, 2005) atau proses perancangan, perumusan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian dasar dengan menggunakan perspektif gender (UN ECOSOC, 1997; True & Mintrom, 2001; Mehra & Guptha, 2006; Clisby, 2005; Windoh, 2002; Moser & Moser, 2005; Desai, 2005). Proses GM memerlukan strategi untuk mencapai matlamat kesamarataan gender (Council of Europe, 1998; Verloo, 2001; Fareeda Habib Shah, 2004; Nor Azizah Ahmad, 2011). Bagi melaksanakan strategi yang direncanakan, pelaksanaan GM akan menggunakan pelbagai pendekatan berdasarkan kesesuaian negara pelaksana (Mazey, 2001; Donaghy, 2003; Meer, 2005; Kusakabe, 2005). Melalui kajian-kajian lepas, penulis mendapati bahawa pegangan asas definisi konsep yang dibincangkan oleh penulis terdahulu menilai GM sebagai satu proses. GM sebagai proses menyatakan setiap dasar yang digubal oleh kerajaan akan merujuk kepada perspektif gender untuk memastikan impak yang menyeluruh kepada masyarakat terutamanya bagi wanita dan lelaki.

Berdasarkan kupasan kajian-kajian lepas, penulis mencadangkan untuk memahami sepenuhnya apakah gender mainstreaming, maka proses gender mainstreaming perlu dijadikan asas pengetahuan utama. Proses GM yang perlu diketahui bermula dari peringkat internasional sehingga domestik. Proses GM yang berlaku akan memberi gambaran sejauh mana isu-isu gender mendapat perhatian sebagai agenda sesebuah negara dan organisasi. Pemangkin utama kepada proses GM ialah perspektif gender yang mempengaruhi setiap pembuat keputusan samaada peringkat internasional ataupun nasional.

## Kesimpulan

Walaupun proses pelaksanaan telah berlaku, tetapi hasil kajian lalu menunjukkan majoriti negara-negara pelaksana masih kabur mendefinisikan GM dengan terperinci yang seterusnya mengganggu pencapaian matlamat kesamarataan gender sebagai matlamat utama GM. Definisi yang tidak jelas juga mengganggu kepada arah tuju proses pelaksanaan GM tersebut. Oleh itu, kertas kerja ini memaparkan definisi GM boleh merujuk kepada proses, pendekatan dan strategi. Kebanyakan negara yang dikaji juga memaparkan proses GM. Oleh itu, untuk memahami apakah GM, maka penulis mencadangkan pembaca perlu memahami prosesnya terlebih dahulu untuk merancang strategi bagi mencapai kesamarataan gender.

## Rujukan

- Annette JL (2005) *Handbook for gender focal poin in UNESCO National commission*. United Nation Educational, Paris.
- Arkib Negara Malaysia (2012) *Siri pengkisahan sejarah Ibu Zain*.
- Arkib Utusan 28 Februari (2011) *Nurmala KSU Wanita Kelima*. Utusan Malaysia.
- Aruna Rao, Kelleher D (2005) Is there life after gender mainstreaming? *Gender & Development* 13(2), 57-69.

- Burton EH, Pollack MA (2002) Mainstreaming Gender in Global Governance. *European Journal of International Relation* 8(3), 339-373.
- Conway MMW, Ahern D, Steuernagel AG (2005) *Women and public policy: A revolution in progress* Ed. 3. CQ Press, Washington D.C.
- Charlesworth H (2005) Not waving but drowning: Gender mainstreaming and human rights in the United Nations. *Hum Rts. J*, Harv.
- Clisby S (2005) Gender mainstreaming or just more male-streaming? Experiences of popular participation in Bolivia *Gender and Development* 13(2), 23-35.
- Council E (1998) *Conceptual framework, methodology and presentation of good practice: Final report of activisties of the group of specialist mainstreaming*. Europe Council, Strasbourg.
- Daly M (2005) Gender mainstreaming in theory and practice. *Social Politics: International Studies in Gender, State & Society* 12(3), 433.
- Desai V (2005) NGOs, gender mainstreaming, and urban poor communities in Mumbai. *Gender and Development* 13(2), 90-98.
- Donaghy, Barneet T (2004) Mainstreaming: Northern Ireland's participative-democratic approach. *Policy and Politics* 32, 49-62.
- Donaghy TB (2003) Gender and public policy making in Australia: The Howard Government's big fat lie'. Paper presented at the Australasian Political Studies Association Conference.
- Farida Habib Shah (2004) Mainstreaming potential women exporters in international markets through ICT Malaysia. *APWIN* 6(December), 142-173.
- Hafner-Burton E, Pollack MA (2002) Gender mainstreaming and global governance. *Feminist Legal Studies* 10(3), 285-298.
- Janet DM, Iren KS (2007) Gender at the border: Uneven development in Post – Socialist Hungary. *Malaysian Journal of Society and Space* 3, 35-45
- Kabeer N, Secretariat C (2003) Gender mainstreaming in poverty eradication and the millennium development goals. *A handbook for policy-makers and other stakeholders*. Commonwealth Secretariat.
- Kusakabe K (2005) Gender mainstreaming in government offices in Thailand, Cambodia and Laos: perspectives from below. *Gender & Development* 13(2), 46-56.
- Mazey S (2002) Gender Mainstreaming strategies in the EU: Delivering on an agenda? *Feminist Legal Studies* 10(3), 227-240.
- Meer S (2005) Freedom for women: Mainstreaming gender in the South African liberation struggle and beyond. *Gender and Development* 13(2), 36-45.
- Mehra R, Gupta G R (2006) Gender mainstreaming: Making it happen. International Center for Research on Women (ICRW), Washington.
- Moser C, Moser A (2005) Gender mainstreaming since Beijing: A review of success and limitations in international institutions. *Gender and Development* 13(2), 11-22.
- Noor Azizah Ahmad (2010) Putting gender mainstreaming into practice: A Study of gender budgeting pilot project in Malaysia. Paper presented at the The 2nd Congress of The Asian Association of Women's Studies.
- Nur Hafizah Yusoff, Rahimah Abdul Aziz (2012) Pemerkasaan wanita desa: Kajian ke atas Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW), Kuala Teriang, Langkawi, Kedah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10 (6), 179-186.
- OSAGI (2012) *Gender mainstreaming-concept and definition* [Cited 12 October 2012]. Available from: <http://www.un.org/womenwatch/osagi/conceptsanddefinition.htm>.
- Page ML (2011) Gender mainstreaming-hidden leadership? *Gender, Work & Organisation* 18(3), 318-336.
- Ress T (1998) *Mainstreaming equality in the European Union: Education, training and labour market policies*. Routledge, New York.
- Sen G (2000) Gender mainstreaming in finance ministries. *World Development* 28(7), 1379-1390.
- Senorina Wendoh S, Wallace T (2002) Re-thinking gender mainstreaming in African NGOs and communities. *Gender & Development* 13(2), 70-79.

- Verloo M (2001) Another Velvet revolution? Gender mainstreaming and the politics of implementation. *The Institute for Human Sciences Working Paper*, 5.
- Wendoh S, Wallace T (2002) Re-thinking gender mainstreaming in African NGOs and communities. *Gender & Development* **13**(2), 70-79.
- Woodward T (2001) *Planning lessons and courses: Designing sequences of work for the language classroom*. Cambridge University Press, UK.